

26/08/2002

Jangan terlalu harapkan Indonesia tangani jerebu

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia tidak boleh semata-mata berharap kepada Indonesia untuk menangani masalah jerebu yang melanda negara ini setiap tahun sebaliknya mencari jalan lain sendiri bagi mengatasinya.

Datuk seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara tidak boleh mengharapakan Indonesia untuk memadamkan kebakaran di negara jiran itu, yang menjadi punca keadaan berjerebu di sini selain Sarawak kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, Indonesia tidak mempunyai wang mencukupi untuk memadamkan kebakaran yang berlaku di negara itu selain berhadapan pelbagai masalah lain.

"Apa kita nak buat. Dia pun tak ada duit banyak untuk padam api. Dia pun sekarang hadapi banyak masalah. Kita perlu fahamlah. Dia nak kuatkuasakan undang-undang pun, sekarang ini dia ada masalah lain.

"Oleh itu, kita kena cari jalan lain supaya kita tahan jerebu tak datang sini," katanya sambil menambah antara lain, kerajaan kini sedang merancang bagaimana untuk mengadakan hujan tiruan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, jerebu ketika ini berkurangan berikutan hujan beberapa hari kebelakangan ini.

Perdana Menteri mengulas masalah jerebu yang hampir setiap tahun melanda negara berikutan kebakaran hutan dan kawasan pertanian di Indonesia.

Keadaan berjerebu ini turut menyelubungi ruang udara negara kebelakangan ini, khususnya di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak, berpunca daripada pembakaran kawasan pertanian di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.